

BIDANG KEPAKARAN

1. Sains Maklumat Geografi
(*Geographical Information Science*)
2. Geobencana
(*Geohazard*)
3. Geografi Bandar
(*Urban Geography*)



Gs. DR. NURIAH ABD. MAJID

PROFIL

Nuriah Abd Majid merupakan seorang pensyarah kanan dan felo penyelidik di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran adalah dalam bidang Geospatial Sustainability yang merangkumi Sains Maklumat Geografi (GIS), Geobencana, Pemodelan ruangan dan Geografi bandar. Kerana minat yang mendalam beliau meneruskan penyelidikan dalam menyelesaikan isu-isu yang melibatkan ruangan alam sekitar dan kelestarian. Beliau mempunyai hampir 10 tahun pengalaman dalam bidang sains maklumat geografi (GIS). Dr Nuriah juga merupakan Jawatankuasa teknikal Penyelidikan Geoinformasi/Geoinformatik Kebangsaan bagi Working Group 2 (Urban) bermula pada tahun 2021 sehingga kini dan Working Group 4 (Land Resources and Management) bagi peringkat kebangsaan sejak 2017. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa bagi Institution of Geospatial and Remote Sensing Malaysia (IGRSM) sebagai keahlian profesional. Sehingga kini Dr Nuriah terlibat dalam pelbagai projek penyelidikan, projek yang masih aktif bersama projek diperingkat antarabangsa, kolaborasi Durham Universiti-Newton (2019 sehingga kini), projek penyelidikan FRGS (2019 sehingga kini) dan beberapa projek lagi sebagai penyelidik bersama yang masih aktif. Kini beliau sedang menyelia hampir 6 orang pelajar Phd dan sarjana merangkumi penyelia utama dan bersama. Beliau juga telah menerbitkan hampir 30 WOS artikel bersama pasukan rakan penyelidikan bagi 5 tahun terkini. Beliau juga tidak ketinggalan berkongsi ilmu dan mengadakan bengkel GIS bersama rakan felo, dan diskusi KASES yang bertajuk GIS for SDG pada 2019. Beliau pernah mendapat anugerah pembentang terbaik di persidangan pada tahun 2020, dan Anugerah Pekerja Cemerlang 2020 dari UKM juga. Kepakaran dalam GIS telah menjadikan beliau sebagai pelopor dalam menyelesaikan isu ruangan alam sekitar dalam pelbagai aspek seperti geografi bandar, geobencana; kegagalan cerun, banjir dan denggi yang melibatkan isu ruangan yang merupakan nadi dalam isu kelestarian global yang memerlukan penyelesaian ruangan yang mampan.